

# "Dr M berasa terancam"

## Bekas Timbalan Perdana Menteri fail jawapan kes saman

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyaman Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung kenyataan fitnah terhadapnya menegaskan bekas Perdana Menteri itu rasa terancam dengan peningkatan popularitinya dalam Umno, di kalangan rakyat dan pada peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, Dr Mahathir takut beliau akan mencabar jawatan Presiden Umno dan seterusnya kuasa politik beliau sebagai Perdana Menteri.

"Perasaan takut ini dan perasaan ketidakjaminan tiada jaminan untuk defendan (Mahathir) terhadap kuasa politik sebagai Perdana Menteri bertambah buruk ketika September 1998," katanya dalam jawapan kepada pernyataan pembelaan bekas Per-

dana Menteri itu yang difailkan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di sini, semalam oleh peguamnya, S N Nair.

Dalam jawapannya, Anwar berkata, beliau juga akan mengemukakan bukti ketika perbicaraan, termasuk laporan media dan penerbitan kenyataan Tun Mahathir terhadap perkara berkenaan.

"Selanjutnya, cadangan saya sebagai Menteri Kewangan untuk menangani krisis kewangan pada 1997-1998 membuatkan defendan berang," katanya.

Dalam samannya yang difailkan pada 27 Januari lalu, Anwar mendakwa Mahathir membuat kenyataan yang mencela itu apabila bercakap mengenai beliau dan tingkah lakunya selaku Timbalan Perdana Men-

teri kepada beberapa wartawan dan wakil media tempatan dan antarabangsa.

Kenyataan Mahathir itu dibuat pada satu sidang akhbar di premis Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Ma-

*"Cadangan saya sebagai Menteri Kewangan untuk menangani krisis kewangan pada 1997-1998 membuatkan defendan berang"*

**Anwar Ibrahim**  
Bekas Timbalan Perdana Menteri

laysia (Suhakam) di sini, September tahun lalu.

Beliau mendakwa perkataan itu dalam ertinya yang 'natural' dan biasa, dalam konteks ia dipertuturkan, bererti dan difahamkan bererti, yang beliau ialah seorang homoseksual, seorang songsang, tidak layak memegang jawatan politik atau sebarang jawatan, seorang yang punya kemiripan jenayah dan beliau berbahaya kepada masyarakat Malaysia.

Anwar juga mendakwa Dr Mahathir menyedari beliau tidak boleh memecatnya daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Umno.

Untuk sebab-sebab di atas defendan secara jahat menggunakan jentera kerajaan termasuk polis, sistem

pendakwaan, badan kehakiman, proses kehakiman dan media melalui ugutan serta paksaan telah mereka-reka dan mengada-adakan bukti palsu mengenai tuduhan, termasuk liwat dan salah laku seks terhadapnya datt telah menyebabkan kejatuhannya, kata Anwar dalam kenyataan itu.

Anwar memohon ganti rugi, ganti rugi teruk, ganti rugi teladan, faedah, kos dan relif lain yang dianggap wajar oleh mahkamah.

Beliau juga memohon injunksi menegah Dr Mahathir, ejen dan/atau pembantunya daripada terus menuntut, mengucap atau menerbit pernyataan atau kata-kata yang membawa kesan yang sama mengenai atau mengaitkan beliau atau kata-kata fitnah serupa terhadap beliau. - Bernama